

# PENUTUP

1. Secara keseluruhannya, pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga kementerian dan empat jabatan Persekutuan yang melibatkan tujuh tajuk. Antara perkara yang dilaporkan adalah melibatkan isu kerugian wang awam, pembayaran tidak teratur dan pembaziran yang menyebabkan ketirisan wang awam.
2. Pihak kementerian dan jabatan Persekutuan perlulah memastikan pegawai yang menjalankan tugas mematuhi semua peraturan kewangan dan undang-undang yang ditetapkan, terutamanya yang boleh menyebabkan kerugian di pihak Kerajaan. Komunikasi dan koordinasi antara kementerian dan jabatan Persekutuan adalah penting bagi tujuan pemantauan supaya pematuhan terhadap undang-undang serta peraturan kewangan dapat dipertingkatkan. Pihak kementerian dan jabatan Persekutuan hendaklah mempertingkatkan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran pegawai dalam pengurusan kewangan ke arah tadbir urus kewangan Kerajaan yang lebih baik.
3. Kerjasama dari semua peringkat termasuk di peringkat pusat tanggungjawab dan jabatan serta pemantauan berterusan yang efektif di peringkat kementerian diperlukan untuk memastikan disiplin kewangan dilaksanakan dengan teratur. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti. Perkara ini bertujuan memastikan ketidakpatuhan seperti yang dilaporkan dapat dikurangkan atau tidak berulang pada masa hadapan.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
6 Januari 2023**